

## **ZON PESISIRAN PANTAI: PENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA**

*Nanthakumar Loganathan  
Syahrin Said*

### **PENGENALAN**

Pertumbuhan ekonomi sering dikaitkan dengan kewujudan sumber dan etika pengurusannya. Namun, dikebanyakan negara membangun mahupun sedang membangun, khususnya negara-negara dunia ketiga, sumber menjadi elemen utama pertumbuhan ekonomi mahupun prasarana sosial. Terdapat pelbagai persoalan yang terbayang dalam minda seseorang apabila membincangkan konsep pesisiran pantai. Laut, paya bakau, pelancongan, perikanan, masyarakat nelayan, kemiskinan dan pelbagai persoalan akan bermain dalam pemikiran seseorang apabila konsep pesisiran pantai diutarakan.

Namun pada hakikatnya, ke semua persepsi dan tanggapan tersebut hanya satu pandangan yang sempit serta tidak menyeluruh berhubung konsep zon pesisiran pantai secara global. Walaupun pada dasarnya hampir 70 peratus dari permukaan bumi diliputi lautan, namun ia tidak mampu diurus dengan efisien akibat dari kerakusan manusia mengejar kekayaan sumber alam yang sering diperkatakan. Kini, sumber petroleum di Kutub Utara sekalipun sudah mula dikenalpasti sebagai lokasi penerokaan sumber utama bagi beberapa buah negara maju.

Malah beberapa kerajaan serta tamadun purba seperti Tamadun Nil, Mesopotamia, Indus, kerajaan Sriwijaya dan Kerajaan Melayu Melaka sendiri berkembang di kawasan pesisiran pantai. Ini disebabkan kedudukan perdagangan jalan laut serta sumber ekonomi masyarakat setempat pada zaman dahulu kala yang sememangnya menganggap laut sebagai lokasi yang paling strategik menjalani kehidupan seharian.

Untuk memudahkan perbincangan, kertas kerja ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian kedua akan mengupas erti kata sebenar konsep pengurusan “Zon Pesisir Pantai Bersepadu” atau lebih dikenali sebagai ‘Integrated Coastal Zone Management’ (ICZM) dari pelbagai persepsi serta pandangan umum. Sementara bahagian ketiga pula akan melibatkan konsep-konsep ICZM hasil beberapa sorotan kajian lepas yang masih dipraktikkan sehingga ke hari serta beberapa persoalan utama yang sering diperdebatkan apabila membincangkan konsep ICZM secara global. Bahagian keempat dan kelima pula akan memperkatakan hala tuju zon pesisir pantai sebagai penjana pertumbuhan ekonomi baru dalam konteks Malaysia serta beberapa cadangan bagi memantapkan lagi perkembangan pesisir pantai sebagai

antara penyumbang ke arah pembangunan ekonomi Malaysia secara keseluruhan.

### **KONSEP PENGURUSAN ZON PESISIR PANTAI BERSEPADU**

Pelbagai intepretasi diutarakan bagi menggambarkan konsep Pengurusan Zon Pesisir Pantai Bersepadu. Dalam buku panduan '*Integrated Coastal Zone Management*' yang dikeluarkan oleh pihak Bank Dunia (1996), mendefinisikan ICZM sebagai:

“a process of governance and consists of the legal and institutional framework necessary to ensure that development and management plans for coastal zones are integrated with environmental (including social) goals and are made with the participation of those affected”

Namun jika dihalusi dengan lebih mendalam, konsep ICZM merupakan satu proses yang dinamik dan berterusan dimana pelbagai keputusan terpaksa diambil kira khususnya melibatkan konsep pembangunan mapan serta kawalan kawasan pesisiran pantai serta sumber alam dan akuatik dari mengalami kepupusan. Sesuatu kawasan diklasifikasikan sebagai zon pesisir pantai berdasarkan lokasinya yang terletak 5 kilometer dari pantai yang turut sama meliputi kawasan-kawasan yang diwartakan oleh pihak kerajaan negeri sebagai rezab atau zon eksklusif. Dijangkakan, seramai 2/3 daripada penduduk dunia akan mendiami kawasan pesisiran pantai menjelang tahun 2010 (UNDP, 1996).


### **KONSEP PENGURUSAN ZON PESISIR PANTAI BERSEPADU (ICZM)**

Didapati kebanyakan kajian lepas berhubung Zon Pesisir Pantai lebih tertumpu di negara-negara blok barat dan negara-negara sedang membangun pula kurang memberi perhatian khusus berhubung aspek ini. Namun kajian yang dijalankan oleh beberapa sarjana barat lebih berpaksikan sains serta kajian muka bumi dan hanya segelintir sahaja yang memberi penekanan dari sudut ekonomi serta sosial.

Karen P.Fabbri (1998) dalam kajiannya menegaskan bahawa, pengurusan zon pesisir pantai dan sumber alam amat penting bagi perkembangan ekonomi serta sosial sesebuah negara yang dikelilingi laut. Ini disebabkan hampir setengah daripada penduduk dunia menginap, berkerja serta menjalankan aktiviti perdagangan di zon pesisir pantai. Malah beliau juga berpendapat kepentingan kawasan pesisiran pantai sudah diketahui umum semenjak zaman perkembangan manusia lagi. Keadaan ini bertitik tolak dari perkembangan bandar-bandar purba yang terletak dilokasi pesisir pantai dan muara sungai, khususnya di rantau eropah dan asia.

Secara keseluruhan kajian beliau telah mengupas konsep '*decision making*' di zon pesisir pantai yang sering dikaburi dengan pelbagai kesan negatif akibat pertumbuhan industri, penerokaan sumber asli, pelancongan dan urbanisasi. Beliau berpandangan aspek sosio-ekonomi, persekitaran dan bio-fizikal menjadi pengukur utama dalam pembuatan keputusan dari persepsi pengurusan pesisir pantai. Rajah dibawah dapat menggambarkan secara keseluruhan konsep pembuatan keputusan dari pelbagai sudut, termasuk pengaruh ekonomi.

Rajah 1: Sistem Zon Pesisir Pantai




Terdapat satu kaedah khusus yang digunapakai bagi menganalisis pembuatan keputusan dalam konteks pengurusan zon pesisir pantai dan ia dikenali sebagai “SSS Methodology” atau dalam erti kata lain ‘screening’, ‘scoping’ dan ‘scanning’. Ketiga-tiga aspek ini lebih menyeluruh berbanding kaedah tradisional seperti Analisis Kos-Faedah (CBA) mahupun Sistem Informasi Geografi (GSS) yang kerap digunapakai sebelum ini.

Sementara itu, peranan Bank Dunia juga tidak kurang pentingnya dalam mengembangkan pesisir pantai sebagai penjana pertumbuhan ekonomi di beberapa buah negara dunia ketiga, khususnya di rantau Afrika. Hasil penulisan Marea E. Hatzios (1997) bertajuk ‘A World Bank framework for ICZM with special emphasis on Africa’, berpendapat bahawa sememangnya bantuan yang disalurkan oleh pihak Bank Dunia sebenarnya hanya mampu membangunkan pesisir pantai semata-mata, namun pada hakikatnya ia masih tidak mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara-negara Afrika. Antara negara Afrika yang menerima bantuan dari Bank Dunia bagi membangunkan zon pesisir pantai adalah seperti negara Ghana, Mauritius, Mozambique dan Seychelles.

Sebagai jalan penyelesaian, penulis berpendapat konsep ‘persefahaman’ harus dipraktikkan bagi kesejahteraan bersama. Justeru Bank Dunia kini lebih memberi penekanan terhadap latihan, pelaburan serta persefahaman bagi mencapai sasaran zon pesisir pantai. Rajah 2 dibawah menjelaskan dengan lebih lanjut berhubung 3 elemen utama yang seharusnya diberi penekanan apabila membincangkan soal zon pesisir pantai sebagai penjana pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dan bukan sekadar mengharap bantuan kewangan sahaja.


Rajah 2: Pemantap Ekonomi Pesisir Pantai



Masalah pengurusan zon pesisir pantai sering menjadi penghalang utama perkembangan ekonomi (John R. Clara, 1997). Pengurusan zon pesisir pantai bersepadu melibatkan koordinasi, strategi, pengawasan, pembangunan tanah, rezab sumber serta komunikasi yang berkesan. Tanpa elemen-elemen ini, nescaya zon pesisir pantai tidak akan mencapai perkembangan ekonomi yang diharapkan. Negara-negara maju mampu memperkembangkan pesisir pantai sebagai lokasi perkembangan ekonomi berlandaskan kepada amalan perancangan yang baik. Tanpa elemen perancangan yang berkesan, sudah pasti sumber ekonomi kawasan pesisir pantai tidak mampu diterokai dengan efisien untuk kebaikan bersama.

Negara-negara rantau eropah mempunyai potensi yang tinggi untuk mengembangkan pesisir pantai sebagai lokasi perdagangan dan penjana ekonomi yang mantap (F. Van der Meulen dan H.A Udo de Haes, 1996). Peranan pihak kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) juga menjadi pemangkin ke arah perkembangan ekonomi pesisir pantai. Adalah dijangkakan, negara-negara rantau eropah akan mengecapi pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap pada dekad akan datang akibat beberapa rancangan jangka panjang yang diadaptasikan khusus bagi membangunkan pesisir pantai sebagai kawasan 'emas' perkembangan ekonomi (H.A Udo, 1996). Misalnya, kerajaan negara Belanda menggubal "Nature Conservation Act" sebagai antara agenda utama bagi membantu perkembangan sektor-sektor ekonomi seperti perikanan, pertanian dan penerokaan sumber di kawasan pesisir pantai (Pieters, 1989). Rajah 3 dibawah memaparkan konsep pengurusan zon pesisir pantai sebagai penjana pertumbuhan ekonomi rantau eropah pada masa akan datang yang berpaksikan konsep kerosakan alam semulajadi atau dikenali sebagai '*steering process in nature*':

Rajah 3: Penjana Pertumbuhan Ekonomi Pesisir Pantai Eropah



Disamping itu, perkembangan ekonomi pesisir pantai juga dipengaruhi oleh kedudukannya sebagai lokasi pelancong yang mampu menjana industri pelancongan dan sekaligus membangunkan kawasan pesisir pantai sebagai Bandar pelancongan (Nestor J. Windevoxhel, Jose J. Rodriguez dan Enrique J. Lahmann, 1999). Misalnya, 50 peratus dari kawasan pesisir pantai di Amerika Syarikat telah dikhususkan bagi industri pelancongan dan kira-kira 21.6 peratus daripada penduduk Amerika menginap di kawasan pesisir pantai yang kebanyakannya menceburi sektor perikanan (Nestor J. Windevoxhel, 1999). Namun akibat perkembangan pesat sektor perindustrian di Amerika Syarikat, kawasan pesisir pantai mengalami masalah pencemaran yang agak serius, sehinggakan pihak kerajaan Amerika terpaksa merangka pelbagai polisi serta akta bagi membendung kepupusan sumber asli yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi pada masa akan datang.

Kebanyakan projek bagi Pengurusan Zon Pesisir Pantai Bersepadu (ICZM) yang diperolehi oleh negara-negara Kesatuan Eropah (EU) dibawah beberapa dana khas gagal mencapai matlamat asas setelah tamat tempoh pemberian dana (McGlashan, 2000). Malah ada beberapa projek yang terpaksa dihentikan akibat kekurangan sokongan kewangan dan faktor ini kerap menjadi penghalang dominan dalam membangunkan pesisir pantai di serata dunia. Di negara-negara rantau ASEAN pula yang dikelilingi laut serta mempunyai potensi tinggi untuk membangunkan ekonomi pesisir pantai masih lagi mencari-cari konsep asas bagi menunjukkan kepada dunia keajaiban kawasan pesisir pantai sebagai salah satu agenda utama dalam konteks ekonomi. Namun persoalan yang masih perlu diberi penekanan adalah aspek

keuangan.

### **ZON PESISIR PANTAI PENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA**


Konsep ICZM merupakan suatu aspek baru dalam kebanyakan agensi serta institusi kerajaan Malaysia. Sungguhpun begitu, peranan yang dimainkan lokasi pesisiran pantai ini amat penting dalam proses penjana ekonomi negara sejak berkurun lamanya. Misalnya, sejarah membuktikan Kerajaan Melayu Melaka serta Empayar Johor-Riau menjadi antara kuasa yang kuat akibat dari aspek kedudukannya dipesisiran pantai yang mampu mencorakkan ekonomi pada masa itu. Dianggarkan Malaysia memiliki pesisiran pantai sepanjang 4,810 kilometer (Jadual 1) dan pecahannya adalah berdasarkan Jadual 1 dan 2 diruangan lampiran. Tambahan pula didapati hampir 55 peratus dari penduduk Malaysia menetap sekitar zon pesisiran akibat dari pelbagai faktor sokongan (Bancian Penduduk 2000).

**Rajah 4: Peta Zon Pesisiran Pantai Malaysia**



Bagi merealisasikan matlamat menjadikan zon pesisiran pantai sebagai salah satu agen utama dalam pembangunan negara, pihak kerajaan Malaysia dibawah Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah menubuhkan *'Integrated Coastal Zone Management'* atau secara ringkasnya dikenali ICZM yang pada dasarnya meliputi pelbagai aspek sosial, ekonomi, persekitaran dan pengurusan sumber di pesisiran pantai. Konsep ini berasaskan hasil pelaksanaan di negeri Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang. Matlamat utama konsep ini ialah bagi menyediakan satu sistem lengkap yang merangkumi koordinasi serta persefahaman di antara pihak kerajaan pusat, negeri dan kerajaan tempatan dari persepsi pembangunan pesisiran pantai secara menyeluruh. Rajah 6 dibawah memaparkan dengan lebih lanjut persefahaman yang dimaksudkan disini:

Rajah 6: Peranan Kerajaan Pusat, Negeri dan Kerajaan Tempatan Dalam Polisi Pengurusan Sumber Kebangsaan



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Malaysia (UPEN)

Sumbangan kawasan pesisiran pantai juga tidak kurang pentingnya di Malaysia. Ia dapat dibuktikan dengan jelas dari segi pengendalian kargo dipaparkan dalam Jadual 3 dan 4. Ini disebabkan kedudukan Pelabuhan Klang, Kuantan, Tanjong Pelepas (PTP) dan Pulau Pinang yang menjadi laluan utama kapal-kapal dagang dari serata benua. Malahan, Selat Melaka juga dianggap sebagai laluan laut kedua tersibuk di dunia dan antara yang terpanjang didunia. Dianggarkan, bilangan pengendalian kargo akan meningkat 2 kali ganda menjelang tahun 2005 dan sudah semestinya mampu mengembangkan lagi kedudukan ekonomi negara secara keseluruhan disamping mewujudkan persaingan perdagangan sihat dengan negara-negara jiran serantau.

Perindustrian juga tidak ketinggalan di kawasan pesisiran pantai Malaysia (Jadual 5). Didapati kebanyakan industri berasaskan bahan mentah tempatan serta menjadi vendor kepada industri-industri besar. Malahan perusahaan serta industri kecil (IKS) juga sinonim dengan zon pesisiran pantai, khususnya di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Kelantan, Terengganu, Pahang). Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), dijangkakan sumbangan IKS akan meningkat 40 peratus menjelang tahun 2005 kelak.

Pelancongan juga menjadi antara penyumbang utama ke arah pertumbuhan ekonomi negara. Sememangnya tidak dapat dinafikan, bahawa pesisiran pantai dan pulau menjadi antara lokasi pengunjug tempatan serta asing di negara kita. Malahan sumbangannya juga dianggap antara yang tertinggi bagi menjana pertumbuhan

ekonomi secara keseluruhan. Corak kunjungan pelancong asing lebih tertumpu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, khususnya di negeri-negeri seperti Pahang, Terengganu dan Terengganu yang sememangnya terkenal dengan pesisiran pantai dan gugusan pulan yang indah. Dengan adanya kehadiran pelancong, maka pertumbuhan industri perhotelan juga mula tumbuh bagaikan cendawan sekitar pesisir pantai Malaysia sekaligus menjadikan sektor perhotelan menjadi antara penyumbang utama dari keseluruhan sembang sektor perkhidmatan negara (Jadual 6 hingga 9).

Tidak ketinggalan juga, sektor perikanan pesisiran pantai yang menjadi antara sumber pendapatan utama masyarakat pesisir pantai di kebanyakan negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah mahupun Sarawak. Walaupun fenomena kemiskinan masyarakat nelayan sering diperdebatkan, namun pada hakikatnya sumber perikanan yang dimiliki lautan Malaysia adalah amat berharga dan mampu diperkembangkan, sepertimana yang dilaksanakan oleh pihak Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia (LKIM).

### **CADANGAN**

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan Malaysia menjadikan zon pesisir pantai sebagai antara agen penjana pertumbuhan ekonomi negara, adalah baiknya satu badan khas ditubuhkan bagi merancang, menyelia, menilai serta menyalurkan idea ke arah mencapai hasrat negara dan bukan sekadar mengharap sumbang pihak tertentu sahaja. Kepakaran luar, seperti dari Denmark, Belanda, Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah juga boleh dipertimbangkan untuk diadaptasikan bagi mencorakkan pesisiran pantai Malaysia yang lebih dinamik pada masa akan datang.

Sepertimana yang dibincangkan di awal kertas kerja ini, model serta kaedah pengurusan di beberapa negara barat serta Afrika juga boleh diaplikasikan dengan senario pengurusan pesisir pantai Malaysia agar dapat menilai keberkesannya serta pada masa yang sama membentuk acuan ICZM sendiri bagi menjana pertumbuhan ekonomi. Tanpa menggunakan model serta kaedah yang mantap, maka sudah pasti khazanah alam ini akan terbiar tanpa sebarang usaha dan akhirnya didatangi pula dengan masalah-masalah alam sekitar seperti pencemaran.

Dengan adanya perancangan mantap dari pihak kerajaan pusat, negeri dan tempatan, nescaya kawasan pesisir pantai Malaysia mampu menarik lebih banyak pelaburan asing serta meningkatkan prasarana serta infrastruktur negara, sebagaimana yang dikecapi oleh beberapa negara eropah. Namun, yang menjadi persoalannya disini adalah sejauhmana penglibatan pihak kerajaan dalam merangka program serta projek-projek pembangunan di kawasan tersebut. Tanpa penglibatan pihak kerajaan, sudah pasti segala yang dirancang akan terkubur buat-selama-lamanya.

### **KESIMPULAN**

Sememangnya zon pesisir pantai mempunyai potensi tinggi untuk diperkembangkan sepertimana yang dilaksanakan oleh negara-negara eropah pada masa sekarang



hasil sokongan pelbagai polisi serta perancangan jangka panjang bagi menjadikan kawasan pesisiran pantai sebagai antara pemangkin ekonomi negara. Hasil perbincangan kertas kerja ini telah memberi satu gambaran kasar kedudukan sebenar potensi pesisiran pantai dalam konteks Malaysia serta kedudukan di kaca mata beberapa negara barat serta eropah. Sebagai jalan penyelesaian, pihak kerajaan seharusnya memberi penekanan khusus bagi merealisasikan segala hasrat yang terkandung dalam dokumen ICZM hasil kerjasama dengan pihak Danish Cooperation on Environment and Development (DANCED) pada tahun 1999.

#### LAMPIRAN

Jadual 1: Pesisir Pantai Malaysia

Kawasan Pesisir Pantai (Coastal Area)	Jarak (KM)
Pantai Barat Semenanjung Malaysia	1100
Pantai Timur Semenanjung Malaysia	860
Sabah	1800
Sarawak	1040
<b>Malaysia</b>	<b>4810</b>

Sumber: *Malacca Straits Environmental Profile*, 1997.

Jadual 2: Bilangan Dermaga, Kren Dan Pengendalian Kargo Di Perlabuhan 2000-2005

Pelabuhan	2000			2005		
	Bilangan dermaga	Bilangan kren	Pengendalian kargo (juta tan)	Bilangan dermaga	Bilangan kren	Pengendalian kargo (juta tan)
Klang	45	35	65.3	49	55	123.0
Pulau	16	10	20.5	18	14	29.5
Pinang	20	46	29.0	29	84	88.1
Johor	12	5	6.0	17	8	8.6
Kuantan	7	3	2.2	7	3	3.3
Kemaman	11	6	24.9	12	6	37.7
Bintulu	33	-	18.1	39	2	24.3
Sabah	26	6	16.9	27	4	23.0
Sarawak	43	7	37.9	46	9	45.5
Lain-lain						
<b>Jumlah</b>	<b>213</b>	<b>118</b>	<b>220.8</b>	<b>244</b>	<b>185</b>	<b>383.0</b>

Sumber: *Rancangan Malaysia Kelapan*.

**Jadual 3: Bilangan Kapal Yang Singgah Dan Jumlah Pengendalian Kargo 2000-2005**

Perkara	Tahun		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)	
	2000	2005 (Jangkaan)	RMK-7	RMK-8
	Bilangan kapal yang singgah	89,462	121,210	5.0
Jumlah pengendalian kargo (juta tan)	220.8	383.0	7.7	11.6
Am	26.0	35.7	-2.9	6.6
Pukal cecair	82.8	109.3	6.4	5.7
Pukal kering	30.7	37.3	5.3	3.9
Kontena	81.3	200.7	16.5	19.8

Sumber: *Rancangan Malaysia Kelapan*

**Jadual 4: Kawasan Perindustrian Sepanjang Zon Pesisir Pantai Malaysia**

Negeri	Kawasan Perindustrian
Johor	Tanjong Agas, Pasir Gudang, Mersing
Kedah	Kuala Kedah
Kelantan	Pengkalan Chepa
Melaka	Tanjong Keling
Negeri Sembilan	Port Dickson
Pahang	Kuala Rompin
Pulau Pinang	Nibong Tebal, Bayan Lepas, Seberang Prai, Mak Mandin, Seberang Jaya
Perak	Manjung, Lumut
Perlis	Kuala Perlis
Selangor	Kuala Selangor, Sungai Besar, Sekinchan
Terengganu	Kerteh, Kuala Ibai, Dungun, Chukai Telok Kalong
Sabah	Kota Kinabalu, Sandakan, Labuan
Sarawak	Miri, Bintulu

Sumber: TWG-1, 1992.

**Jadual 5: Jumlah Kedatangan Pelancong Ke Malaysia (2000-2003)**

Year	Tourist Arrivals (millions)	Tourist Receipts (RM millions)
2000	10.22	17,335.4
2001	12.78	24,221.5
2002	13.29	25,781.1
2003	10.58	21,291.1

Sumber: Laman Web Lembaga Pelancongan Malaysia

**Jadual 6: Bilangan Hotel dan Penawaran Bilik Hotel (Tahun 2002)**

State	Supply of Hotels			Supply of Rooms		
	2002	2001	(%) Change	2002	2001	(%) Change
Kuala Lumpur	180	179	0.6	26,917	25,283	6.5
Selangor	90	88	2.3	11,910	11,464	3.9
Pulau Pinang	109	100	9.0	11,972	11,711	2.2
Johor	217	183	18.6	12,136	11,038	9.9
Melaka	85	85	0.0	6,803	7,433	-8.5
Pahang	227	220	3.2	14,850	14,620	1.6
Kedah	106	101	5.0	9,631	9,094	5.9
Perak	167	154	8.4	7,527	7,215	4.3
Negeri Sembilan	58	48	20.8	4,722	3,909	20.8
Terengganu	142	139	2.2	5,903	5,607	5.3
Kelantan	63	63	0.0	2,564	2,564	0.0
Perlis	6	5	20.0	318	266	19.5
Sabah	167	151	10.6	9,904	9,165	8.1
Sarawak	240	239	0.4	10,421	10,424	-0.0
<b>Malaysia</b>	<b>1,878</b>	<b>1,776</b>	<b>5.7</b>	<b>136,542</b>	<b>130,757</b>	<b>4.4</b>

Sumber: Laman Web Lembaga Kemajuan Pelancongan Malaysia

**Jadual 7: Bilangan Hotel Bertaraf Bintang Di Kawasan Pesisir Pantai Malaysia**

Negeri	Bertaraf Bintang					Jumlah	Peratus
	5	4	3	2	1		
Kedah	1,524	1,148	1,494	530	68	4,764	16.2
Pulau Pinang	2,455	2,366	1,115	472	416	6,824	23.2
Perak	125	462	346	130	59	1,122	3.8
Perlis	-	175	-	-	-	175	0.6
Johor	1,554	288	613	511	148	3,114	10.6
Melaka	-	1,000	240	170	48	1,458	4.9
Negeri Sembilan	-	217	340	200	-	757	2.6
Kelantan	-	295	94	160	40	589	2.0
Terengganu	-	235	251	274	100	860	2.9
Pahang	-	739	556	348	144	1,787	6.1
Sabah	830	277	644	994	302	3,047	10.3
Wilayah Persekutuan Labuan	261	214	150	106	101	832	2.8
Sarawak	923	1,353	962	439	130	3,807	12.9
Selangor	-	-	213	123	-	336	1.1
<b>Jumlah</b>	<b>7,672</b>	<b>8,769</b>	<b>7,018</b>	<b>4,457</b>	<b>1,556</b>	<b>29,472</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Directory of Star Rated Hotels (1997/1998), 6 June 1998

**Jadual 8: Jumlah Kedatangan Pelancong Di Sekitar Zon Pesisir Pantai Semenanjung Malaysia (2002-2003)**

LOCALITY	2003			2002		
	MALAYSIAN	FOREIGNERS	GRAND TOTAL	MALAYSIAN	FOREIGNERS	GRAND TOTAL
Johor Bahru	265,079	114,668	379,747	304,334	135,803	440,137
Malacca	297,707	242,686	540,393	344,274	346,375	690,649
Lumut	117,488	28,344	145,832	85,965	15,565	101,530
Port Dickson	157,494	11,391	168,885	148,844	13,024	161,868
<b>EAST COAST OF MALAYSIA</b>	<b>523,378</b>	<b>99,118</b>	<b>622,496</b>	<b>571,248</b>	<b>71,171</b>	<b>642,419</b>
Kuantan	164,385	36,400	200,785	175,578	19,068	194,646
Cherating	51,736	6,302	58,038	51,234	7,506	58,740
Dungun	5,767	240	6,007	4,269	15	4,284
Kuala Terengganu	95,079	6,488	101,567	119,847	3,884	123,731
Kota Bharu	105,297	3,670	108,967	117,890	3,690	121,580
Mersing	38,954	1,828	40,782	28,328	2,064	30,392
Desaru	27,514	26,563	54,077	46,271	27,801	74,072
<b>ISLAND RESORTS</b>	<b>383,943</b>	<b>207,371</b>	<b>591,314</b>	<b>358,000</b>	<b>203,310</b>	<b>561,310</b>
Langkawi Island	297,914	152,523	450,437	279,716	142,968	422,684
Redang Island	858	769	1,627	146	86	232
Tioman Island	27,752	14,463	42,215	19,746	17,671	37,417
Pangkor Island	57,419	39,616	97,035	58,392	42,585	100,977
<b>PENINSULAR MALAYSIA</b>	<b>4,036,669</b>	<b>2,815,211</b>	<b>6,851,880</b>	<b>3,943,318</b>	<b>2,692,118</b>	<b>6,635,436</b>

Sumber: Laman Web Lembaga Kemajuan Pelancongan Malaysia

## **BIBLIOGRAFI**

- Erdol Özhan. 1997. *International MEDCOAST Workshop on the state-of-the-art of Integrated Coastal Zone Management in the Mediterranean and Black Sea: Immediate needs for Research, Education/Training, and Implementation (MED and Black Sea ICZM): 2-5 November 1996, Sarigerme, Turkey*. Ocean & Coastal Management. Volume 34, Issue 3, Pages 227-232.
- F. van der Meulen and H. A. Udo de Haes. 1996. *Nature Conservation and Integrated Coastal Zone Management in Europe: Present and Future*. Landscape and Urban Planning, Volume 34, Issues 3-4, Pages 401-410.
- John R. Clark. 1997. *Coastal Zone Management for the New Century*. Ocean & Coastal Management, Volume 37, Issue 2, Pages 191-216.
- Karen P. Fabbri. 1998. *A Methodology for Supporting Decision Making in Integrated Coastal Zone Management*. Ocean & Coastal Management, Volume 39, Issues 1-2, Pages 51-62.
- Malaysia. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan*. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. 2001. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia. 1999. *Integrated Coastal Zone Management (Status Document): Danish Cooperation on Environment and Development (DANCED)*. Economic Planning Unit, Prime Minister's Department.
- Marea E. Hatzioios. 1997. *A World Bank framework for ICZM with Special Emphasis on Africa*. Ocean & Coastal Management. Volume 37, Issue 3, Pages 281-294.
- Mazlin B. Mokhtar and Sarah Aziz Bt. A. Ghani Aziz. 2003. *Integrated Coastal Zone Management Using the Ecosystems Approach, Some Perspectives in Malaysia*. Ocean & Coastal Management, Volume 46, Issue 5, Pages 407-419.
- Néstor J. Windevoxhel, José J. Rodríguez and Enrique J. Lahmann. 1999. *Situation of Integrated Coastal Zone Management in Central America: Experiences of the IUCN Wetlands and Coastal Zone Conservation Program*. Ocean & Coastal Management. Volume 42, Issues 2-4, Pages 257-282.
- Patrick L Lawrence. 1997. *Integrated Coastal Zone Management and the Great Lakes*. Land Use Policy, Volume 14, Issue 2, Pages 119-136.